



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

PELAN TINDAKAN 2024



POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Gemilang Sejuta Inspirasi: 25 Tahun Melonjak Bersama

Politeknik Kuala Terengganu
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Tel : 09 - 620 4100
Faks : 09 - 620 4102
www.pkt.edu.my
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak dibenarkan ditiru, diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal pengambaran semula, perakaman atau sebaliknya, tanpa izin bertulis daripada Politeknik Kuala Terengganu.

Diterbitkan oleh:
Politeknik Kuala Terengganu
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

e ISBN 978-967-2240-50-1

PELAN TINDAKAN
2024



POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Gemilang Sejuta Inspirasi: 25 Tahun Melonjak Bersama



ISI KANDUNGAN

| | |
|--------------------------------------------------------------------------|----|
| PERUTUSAN PENGARAH | 01 |
| PRAKATA | 02 |
| PENDAHULUAN | 03 |
| LATAR BELAKANG | 04 |
| CARTA ORGANISASI | 07 |
| VISI DAN MISI | 08 |
| DASAR KUALITI | 08 |
| HALA TUJU STRATEGIK PKT | 09 |
| PELAN TINDAKAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU 2024 | 10 |
| i. Teras 1 – Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti | 11 |
| ii. Teras 2 – Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan | 23 |
| iii. Teras 3 – Pemerksaan Bakat | 41 |
| iv. Teras 4 – Pemantapan Program Pengajian | 45 |
| v. Teras 5 – Memperkukuh Kolaborasi Industri, Komuniti dan Alumni | 51 |
| vi. Teras 6 – Membudaya Penyelidikan dan Inovasi | 55 |
| vii. Teras 7 – Memperkukuh Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) | 59 |
| PENUTUP | 67 |
| PENGHARGAAN | 68 |

PERUTUSAN PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur dan takzim, Pelan Tindakan Politeknik Kuala Terengganu Edisi Jubli Perak berjaya diterbitkan. Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Pelan Tindakan, Ketua Jabatan dan Ketua Unit atas komitmen dan dedikasi sehingga berjaya menghasilkan Pelan Tindakan Edisi Jubli Perak Tahun 2024. Rangka kerja pelan tindakan ini adalah bersandarkan kepada Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023 -2030 di mana Politeknik adalah sebagai peneraju institusi TVET yang unggul serta pemacu tenaga kerja mahir negara. Justeru, dalam usaha melonjak PKT seiring dengan institusi yang lain, lima fokus yang harus diberi keutamaan iaitu;

- Pertama : Memperkasa Kompetensi Berasaskan Industri
- Kedua : Meneroka *Translational Research*
- Ketiga : Memperhebat Pogram Pembelajaran Sepanjang Hayat
- Keempat : Mempertingkatkan Pengantarabangsaan; dan
- Kelima : Mengupayakan Ekosistem Pembolehubah Daya TVET POLYCC

Pendekatan kepada lima fokus ini menggambarkan intipati pelan secara menyeluruh untuk mendorong setiap warga Politeknik Kuala Terengganu (PKT) menterjemahkan kepada tindakan yang berkesan. Edisi Pelan Tindakan kali ini, amat istimewa kerana tahun 2024 genap 25 tahun tertubuhnya PKT. Menelusuri perjalanan 25 tahun ini, sudah tentu warga PKT kompeten, berdaya saing malah mempunyai budaya kerja yang *multitasking* bukan sahaja dapat melaksanakan tugas hakiki dengan cemerlang, malah tugas sampingan disempurnakan sebaiknya serta penerokaan ilmu baharu yang tidak dikesampingkan.

Saya percaya Pelan Tindakan ini dapat memacu warganya untuk terus tekad dan beriltizam dalam memikul tanggungjawab yang besar bagi merealisasikan dan menterjemah agenda TVET negara. Akhir kata, kepada semua warga PKT marilah kita bekerja sepasukan dengan sepenuh hati. Juga, rakaman setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan Pelan Tindakan Politeknik Kuala Terengganu Edisi Jubli Perak Tahun 2024. Semoga Politeknik Kuala Terengganu terus siapsiaga dan mampu melahirkan bakat masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Salam Hormat



Suzana Binti Mohd Ali

Pengarah

Politeknik Kuala Terengganu




PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wbt, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Pelan Tindakan Politeknik Kuala Terengganu Edisi Jubli Perak Tahun 2024 ini merupakan satu pelan yang dibangunkan sebagai dokumen perancangan PKT bagi memenuhi visi, misi dan matlamat PKT. Justeru, saya selaku Ketua Editor dan Penolong Ketua Editor Encik Rashid bin Mohamad ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat di atas komitmen dan dedikasi sehingga berjaya menghasilkan satu teras perancangan tindakan iaitu Pelan Tindakan Politeknik Kuala Terengganu tahun 2024. Melalui strategi yang efektif ini, ianya dapat memastikan PKT dapat bergerak maju selari dan setanding dengan institusi TVET yang lain. Justeru, pelan tindakan ini memberi fokus kepada TUJUH (7) teras strategik sepertimana yang telah diperkenalkan dalam pelan strategik JPPKK 2022-2025. Teras-teras dalam pelan tindakan ini adalah rujukan utama semua warga PKT untuk mencapai misi, matlamat dan sasaran yang digariskan iaitu untuk menghasilkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang serta memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat dengan memanfaatkan perkongsian pintar dengan semua yang berkepentingan. Kesungguhan semua warga untuk menjayakan perancangan ini haruslah disokong sepenuhnya oleh pihak pengurusan dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga dan tahniah atas komitmen yang tinggi daripada semua pihak dalam penghasilan Pelan Tindakan 2024 Edisi Jubli Perak ini. Semoga apa yang diusahakan ini, akan memberikan hasil yang baik pada masa hadapan dan PKT akan menjadi institusi pilihan Pendidikan TVET yang berkualiti dan diiktiraf. **أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ**

Sekian, terima kasih



Norlia binti Embong
(Ketua Editor)



PENDAHULUAN

Politeknik Malaysia merupakan institusi pengajian tinggi awam yang menyediakan latihan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) yang berasaskan kepada kemahiran teknologi. Institusi ini telah berjaya melahirkan graduan TVET yang berkualiti dan mampu memenuhi kehendak industri. Namun, usaha bagi melonjakkan penghasilan graduan yang berkualiti dan berkemahiran seiring dengan perkembangan teknologi terkini perlu dipertingkatkan. Justeru, Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 - 2025 (PSPKK) bertujuan mentransformasi TVET dalam sistem pendidikan tinggi negara melalui inisiatif strategik melonjak ke arah kecemerlangan telah dibangunkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). PSPKK JPPKK dibangunkan dengan mengambil kira lonjakan keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) PPPM (T) 2015-2025 ke arah penghasilan graduan TVET berkualiti. Tempoh masa pelaksanaan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 - 2025 selama tujuh tahun terbahagi kepada dua fasa iaitu:

- Fasa I (2018 - 2020) : Memacu Peningkatan Sistem
- Fasa II (2021 - 2025) : Menganjak ke Arah Kecemerlangan

Merealisasikan Fasa Kedua bermula 2021 hingga 2025, Politeknik Kuala Terengganu (PKT) komited untuk melaksanakan aspirasi "Menganjak ke Arah Kecemerlangan" bersama-sama semua pihak berkepentingan seluruh negara. Sehubungan itu, Pelan Tindakan PKT 2023 ini dibangunkan dengan memberikan tumpuan terhadap peningkatan kecemerlangan bagi memastikan PKT bergerak seiring ke arah mencapai aspirasi negara dalam melahirkan modal insan yang berkualiti, holistik dan berciri keusahawanan serta mempunyai personaliti unggul yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Pelan Tindakan yang dihasilkan mengikut tahun semasa ini telah digarap dengan berpaksikan kepada nilai-nilai Kreatif & Inovatif, integriti, tangkas dan profesionalisme merupakan nilai yang perlu ada pada setiap warga dalam merancang dan melaksanakan Tujuh Teras Strategik iaitu:

- Teras Strategik Pertama : Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti
- Teras Strategik Kedua : Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan
- Teras Strategik Ketiga : Pemerkasaan Bakat
- Teras Strategik Keempat : Pemantapan Program Pengajian
- Teras Strategik Kelima : Memperkukuh Kolaborasi Industri, Komuniti dan Alumni
- Teras Strategik Keenam : Membudaya Penyelidikan dan Inovasi
- Teras Strategik Ketujuh : Memperkukuh Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Selari dengan kepesatan perkembangan teknologi digital yang berpaksikan kepada Rangka Kerja TVET 4.0 (2018-2025) ia merupakan satu peluang untuk mempertingkatkan produktiviti dan prestasi terutama dalam memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan dan pengurusan pendidikan bersesuaian dengan bidang teknologi digital (DTechC) yang merupakan bidang tujahan (COT) PKT. Walau bagaimanapun, pelan ini tidak hanya tertumpu kepada kecemerlangan pengurusan dan pendidikan akademik semata-mata, elemen atau unsur pembentukan sahsiah dan nilai-nilai murni juga dititikberatkan dan diterap bagi perkembangan dan pembentukan warga kerja dan graduan yang seimbang dan harmonis. Pendekatan strategik yang akan diambil adalah menyeluruh, bersepadu dan komprehensif yang mampu diterjemahkan di semua peringkat pelaksana ke arah mencapai visi dan misi PKT.

LATAR BELAKANG

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU



Politeknik Kuala Terengganu yang dahulunya dikenali sebagai Politeknik Kota Kuala Terengganu (PKKT) dengan rasminya telah ditubuhkan pada 1 Januari 1999 dengan menumpang bangunan Maktab Perguruan Pasir Panjang. Penubuhan PKKT adalah di bawah konsep kampus dalam kota. Selepas enam bulan beroperasi di Maktab Perguruan Pasir Panjang, akhirnya pada 1 Julai 1999 PKKT telah berpindah ke tapak lama bangunan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Terengganu yang telah disewakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengambilan pertama adalah seramai 153 orang pada Jun 1999 untuk Program Sijil Kejuruteraan Awam sahaja. Disusuli Sijil Kejuruteraan Mekanikal, Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Elektrik dan Elektronik. Bermula pada tahun 2003 Program Sijil Kejuruteraan Awam dan Program Sijil Kejuruteraan Mekanikal telah dipindahkan ke Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.

Mulai pertengahan Mei 2004, selaras dengan penubuhan kabinet baru selepas Pilihan Raya Umum, Politeknik telah diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan ditukarkan namanya kepada Politeknik Kuala Terengganu (PKT). Memandangkan ruang yang agak terhad di bangunan sedia ada, pada 1 Julai 2005, bangunan tambahan telah disewa bagi menampung para pelajar yang semakin bertambah. Bangunan yang baru disewa dijadikan bilik kuliah untuk Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Walaupun bangunan tambahan telah disewa, ianya masih belum mampu menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah. Ini memaksa PKT menyewa satu lagi bangunan tambahan untuk Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada tahun 2007.

Selari dengan perkembangan pendidikan, pada sesi pengajian Julai 2009, Program Sijil telah dinaiktarafkan kepada diploma dengan penawaran Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Pada sesi Jun 2010, berlaku lagi perubahan dalam Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan penamatan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan menawarkan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi).

Sejajar dengan keperluan untuk meningkatkan peluang pembelajaran dalam pendidikan teknikal kepada lepasan SPM maka PKT telah mengorak langkah dengan penambahan penawaran program baharu di politeknik ini mulai Sesi Jun 2014, iaitu Diploma Kejuruteraan Elektrik-Elektronik (DEE) dengan pengambilan pertamanya seramai 65 orang. Seterusnya pada Sesi Jun 2015, sekali lagi PKT menambah penawaran program Diploma Teknologi Maklumat Rangkaian (DNS) dalam usaha untuk meningkatkan jumlah enrolmen pelajar serta menambah daya saing sebagai sebuah institusi yang utama dalam menawarkan latihan TVET terkemuka di Terengganu. Seramai 30 orang pelajar telah mendaftar untuk penawaran kali pertama bagi program DNS tersebut di PKT. PKT terus mengorak langkah dalam menempuh arus perubahan dan modenisasi digital agar seiring dengan perkembangan semasa dewasa ini. Seiring dengan keperluan 10 lonjakan utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), maka mulai sesi Jun 2016 Program Diploma Teknologi Maklumat Pengaturcaraan (DIP) telah dijenamakan semula serta dinaiktarafkan menjadi Program Diploma Teknologi Digital (DDT). Ini bersesuaian dalam usaha melonjak prestasi PKT kepada tahap yang optimum dan cemerlang.

CENTRE OF TECHNOLOGY (COT) POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Centre of Technology (COT), Politeknik Kuala Terengganu telah ditubuhkan di bawah Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi pada tahun 2016 dalam bidang tujuhan Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan). Kemudian bermula tahun 2020, COT PKT telah menjenamakan semula nama COT PKT kepada Digital Technology Centre (DTechC) yang menyokong kepada bidang tujuhan yang baru iaitu Teknologi Digital. Perubahan ini telah melibatkan gabungan 2 jabatan induk iaitu Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK) dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE). Misi dan Visi bagi DTechC ini adalah untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang teknologi digital yang memenuhi piawaian antarabangsa dengan mempromosikan kecemerlangan dalam bidang khusus melalui khidmat kepakaran, penyelidikan dan inovasi, pengajaran dan pembelajaran, Latihan TVET dan Kolaborasi. Digital Technology Centre (DTechC) memainkan peranannya sebagai pusat rujukan perkongsian ilmu pengetahuan dan teknologi terkini dalam pelbagai bidang kepakaran melalui kerjasama aktif dan strategik bersama dengan industri, orang awam dan para ilmuwan. Selain itu, DTechC juga mempergiatkan kerjasama dengan komuniti dan industri dalam bidang khusus dan menggalakkan penulisan dan penerbitan akademik untuk meningkatkan pencapaian dan pengiktirafan.



POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

25 TAHUN

POLITEKNIK
KUALA TERENGGANU

Politeknik Kuala Terengganu menyambut Jubli Perak 25 tahun penubuhannya pada tahun 2024. Pelancaran Logo Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PKT telah disempurnakan oleh Pengarah Politeknik Kuala Terengganu, Pn. Suzana Binti Mohd Ali pada 15 Disember 2023 bersempena Majlis Sambutan Hari Akademia PKT 2023 bertempat di Marina Duyong, Kuala Terengganu.

Logo Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PKT mengetengahkan angka 25 yang melambangkan 25 tahun penubuhan PKT sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang menyediakan latihan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) yang berasaskan kepada kemahiran teknologi dalam melahirkan modal insan holistik dan menjadi pilihan utama industri.

DRAW BRIDGE

Draw Bridge adalah sebagai simbolik penyatuan diantara warga Politeknik Kuala Terengganu dan Industri yang mendokong kerjasama pintar antara industri dengan institusi Pendidikan tinggi, bersama-sama menuju masa depan yang lebih gemilang berlandaskan kepada teknologi dan meningkatkan kualiti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia

ANGKA 25

Melambangkan 25 tahun kegemilangan Politeknik Kuala Terengganu

BENTUK HATI

Melambangkan warga PKT yang prihatin dan berjiwa penyayang

WARNA MERAH

Melambangkan keberanian PKT dalam mencapai Visi & Misi JPPKK


WARNA HITAM/PUTIH

Melambangkan PKT sebuah institusi pengajian tinggi yang berprestij dan unggul





CARTA ORGANISASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU



VISI DAN MISI

Visi dan Misi Politeknik Kuala Terengganu dirangka selari dengan Visi dan Misi Jabatan Pengajian Politeknik. Ianya dikongsi dan dihayati bersama warga Politeknik Kuala Terengganu agar semua pihak dalam politeknik berusaha ke arah pencapaian Visi dan Misi ini.

VISI

Menjadi institusi TVET yang berkualiti dalam melahirkan modal insan holistik dan menjadi pilihan utama industri.

MISI

Menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif bagi melahirkan modal insan holistik yang memenuhi keperluan industri.

DASAR KUALITI

Dasar kualiti PKT adalah membangunkan potensi pelajar PKT ke arah kecemerlangan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Teknologi Maklumat melalui penambahbaikan yang menyeluruh secara berterusan. PKT komited untuk memastikan kehendak pelanggan dipenuhi melalui pencapaian objektif-objektif kualiti yang disemak semula secara berterusan bagi memastikan keberkesanan sistem. Dasar ini disebarikan untuk difahami oleh semua peringkat kakitangan.

HALA TUJU STRATEGIK PKT

Politeknik Kuala Terengganu berhasrat menjadi peneraju institusi TVET yang unggul bagi melahirkan modal insan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Selaras keperluan masa kini, Politeknik Kuala Terengganu menerapkan TUJUH (7) teras strategik sebagai asas kepada perancangan pelaksanaan yang diterjemahkan berdasarkan visi, misi dan hala tuju institusi ini. Teras strategik ini berperanan untuk mengemudi Pelan Tindakan Kuala Terengganu bagi mencapai matlamat yang dihasratkan.



TVET adalah salah satu bidang pendidikan yang menjadi pemacu kepada perubahan di dalam lanskap ekonomi dan pertumbuhan negara yang membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia. Apabila terdapat persaingan sudah tentulah kita perlu bersedia untuk mendepani cabaran dan bertindak proaktif di dalam menyediakan penyelesaiannya.

Rancangan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 merupakan tindak balas dan sambutan sektor pendidikan tinggi kepada keperluan pasaran kerja negara. Kerangka Transformasi Politeknik 2023-2030 dibangunkan bagi memacu hala tuju transformasi yang mencakupi kesemua domain utama politeknik merangkumi governan, program, pelajar, graduan, warga kerja, industri dan komuniti. Transformasi ini adalah satu proses mengoptimumkan bakat, potensi serta peluang negara untuk menjadi maju dan berdaya saing melalui lapangan TVET.

Rancangan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 telah menggariskan panduan di dalam menetapkan strategi dan inisiatif dengan berteraskan nilai dan teras utama. Berpandukan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 PKT telah menyediakan Pelan Tindakan yang menterjemahkan hala tuju dan keberhasilan di dalam menghasilkan graduan sebagaimana yang digarapkan.

Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030

7

TERAS PELAN TINDAKAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU 2024



TERAS 1

MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI



TERAS 2

MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN



TERAS 3

PEMERKASAAN BAKAT



TERAS 4

PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN



TERAS 5

MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI



TERAS 6

MEMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI



TERAS 7

MEMPERKUKUH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

TERAS 1

MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1
MENGHASILKAN GRADUAN YANG BERKUALITI DAN
MENGIKUT/MENEPATI KEPERLUAN INDUSTRI

OBJEKTIF STRATEGIK 1.2
MEMANTAPKAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN
BERSINERGI YANG HOLISTIK DAN BERSEPADU

OBJEKTIF STRATEGIK 1.3
MELAHIRKAN GRADUAN BERCIRI GLOBAL

| TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI | | | | | | | | |
|-----------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|-------------|----------------------------|------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|---------------------------------------------|----------------|
| OBJEKTIF STRATEGIK: | | | | | | | | |
| 1.1 Menghasilkan graduan yang berkualiti dan mengikut/menepati keperluan industri | | | | | | | | |
| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| 1 | Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti | 95% | Pegawai Pengesanan Graduan | Program Kebolehpasaran Graduan Politeknik Kuala Terengganu | 5,000.00 | NOV | Pegawai Pengesanan Graduan | CISEC |
| - | - | - | - | Career Boot Camp 1 | 1,500.00 | FEB | Pegawai Kerjaya / Kebolehpasaran | CISEC |
| | | | | Career Boot Camp 2 | 1,500.00 | APR | Pegawai Kerjaya / Kebolehpasaran | CISEC |
| | | | | Career Boot Camp 3 | 1,500.00 | SEPT | Pegawai Kerjaya / Kebolehpasaran | CISEC |
| | | | | Career Boot Camp 4 | 1,500.00 | OKT | Pegawai Kerjaya / Kebolehpasaran | CISEC |
| | | | | Open Career Day 2024 | 19,000.00 | APR | Ketua Unit CISEC | CISEC / DtechC |
| | | | | myAlumni TVET Academic 1 | 1,500.00 | FEB | Pegawai Alumni | CISEC |
| | | | | myAlumni TVET Academic 2 | 1,500.00 | APR | Pegawai Alumni | CISEC |
| | | | | myAlumni TVET Academic 3 | 1,500.00 | SEPT | Pegawai Alumni | CISEC |
| | | | | Taklimat Latihan Industri 1 Sesi 2:2023/2024 | - | FEB | Ketua Unit Perhubungan Dan Latihan Industri | UPLI |
| | | | | Mesyuarat UPLI Bil. 1 | - | MAC | Ketua Unit Perhubungan Dan Latihan Industri | UPLI |

| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
|---------------------|------------------------------------------|-------------|---------|-----------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|---------------------------------------------|--------------|
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| - | - | - | - | Pemantauan LI Sesi 2:2023/2024 (Fasa 1) | 3,280.00 | APR | Ketua Unit Perhubungan Dan Latihan Industri | UPLI |
| | | | | Taklimat Latihan Industri 2 Sesi 2:2023/2024 | - | APR | Ketua Unit Perhubungan Dan Latihan Industri | UPLI |
| | | | | Mesyuarat UPLI Bil. 2 | - | JUN | Ketua Unit Perhubungan Dan Latihan Industri | UPLI |
| | | | | Pemantauan LI Sesi 2:2023/2024 (Fasa 2) | 160 | JUN | Ketua Unit Perhubungan Dan Latihan Industri | UPLI |
| | | | | Penilaian LI Sesi 2:2023/2024 (Fasa 1) | - | JUN | Ketua Unit Perhubungan Dan Latihan Industri | UPLI |
| | | | | Penilaian LI Sesi 2:2023/2024 (Fasa 2) | - | OGOS | Ketua Unit Perhubungan Dan Latihan Industri | UPLI |
| | | | | Bengkel Simulasi Arduino Menggunakan Perisian TINKERCAD Circuit | - | FEB | Penyelaras PSH Jabatan (JKE) | JKE |
| | | | | Lawatan Ilmiah Tenaga Hijau JKE | - | MAC | Ketua Program DEE | JKE |
| | | | | Taklimat OBE Pelajar Baru | - | OGOS | Ketua Program DEE | JKE |
| | | | | Bengkel Asas ESP32 | - | SEPT | Penyelaras PSH Jabatan (JKE) | JKE |

| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
|---------------------|------------------------------------------|-------------|---------|-----------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|---------------------------|------------------------------------|
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| - | - | - | - | Student Skill Empowerment Through Industrial Sharing 2024 (SSETIS'24) | 2,000.00 | APR | Penyelaras Projek Jabatan | JTMK |
| | | | | Program Take Charge! Great Students | 2,000.00 | APR | Ketua Program | JTMK |
| | | | | Bengkel Pengukuhan Matematik Sesi 2:2023/2024 | - | MEI | Pensyarah JMSK | JMSK |
| | | | | Bengkel Pengukuhan Matematik Sesi 1:2024/2025 | - | NOV | Pensyarah JMSK | JMSK |
| | | | | Program Celik Matematik dan Kalkulator Casio | 500 | SEPT | Ketua Kursus Matematik | JMSK |
| | | | | Bengkel Penilaian dan Pemurnian Item Peperiksaan Akhir Bil.1 2024 | 1,000.00 | APR | Pegawai Peperiksaan | PEPERIKSAAN |
| | | | | Taklimat Peperiksaan Akhir Sesi II 2023/2024 | - | MEI | Pegawai Peperiksaan | PEPERIKSAAN |
| | | | | Bengkel Penilaian dan Pemurnian Item Peperiksaan Akhir Bil.2 2024 | 1,000.00 | OKT | Pegawai Peperiksaan | PEPERIKSAAN |
| | | | | Taklimat Peperiksaan Akhir Sesi I 2024/2025 | - | DIS | Pegawai Peperiksaan | PEPERIKSAAN |
| | | | | Seminar Kerjaya | 700 | APR | Penyelaras PPI JKE | UNIT KELESTARIAN AKADEMIK |
| | | | | Lawatan Ilmiah Microvawe dan Networking | 600 | SEPT | Penyelaras PPI JKE | UNIT KELESTARIAN AKADEMIK / DtechC |
| | | | | Seminar Solar Energy | 1,100.00 | APR | Penyelaras PPI JKE | UNIT KELESTARIAN AKADEMIK / DtechC |
| | | | | Seminar Inspector of Work(IOW) | 1,100.00 | JUN | Penyelaras PPI JKE | UNIT KELESTARIAN AKADEMIK / DtechC |

| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
|---------------------|------------------------------------------|-------------|---------|--------------------------------------|-------------------|-------------|---------------------|------------------------------------|
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| - | - | - | - | Industrial Visit | 200 | APR | Penyelaras PPI JTMK | UNIT KELESTARIAN AKADEMIK |
| | | | | Career Day - Industrial Workshop | 400 | APR | Penyelaras PPI JTMK | UNIT KELESTARIAN AKADEMIK |
| | | | | Industrial Sharing - Pembangunan Web | 600 | OGOS | Penyelaras PPI JTMK | UNIT KELESTARIAN AKADEMIK / DtechC |

| TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI | | | | | | | | |
|-------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|-------------|----------------------|----------------------------------------------|-------------------|-------------|-------------------------|--------------|
| OBJEKTIF STRATEGIK: | | | | | | | | |
| 1.2 Memantapkan ekosistem keusahawanan bersinergi yang holistik dan bersepadu | | | | | | | | |
| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| 2 | Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri | 8% | Pegawai Keusahawanan | Raya Boxing Day 4.0 | 2,000.00 | MAC | Ketua Unit Keusahawanan | KEUSAHAWANAN |
| | | | | Pendaftaran Perniagaan Bersama SSM | - | MEI | Ketua Unit Keusahawanan | KEUSAHAWANAN |
| | | | | Sirih Pulang Ke Gagang - Alumni Keusahawanan | 20,000.00 | SEPT | Ketua Unit Keusahawanan | KEUSAHAWANAN |

| TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI | | | | | | | | |
|-----------------------------------------------|-------------------------------------------------------|-------------|----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|---------------------------------|----------------------|
| OBJEKTIF STRATEGIK: | | | | | | | | |
| 1.3 Melahirkan graduan berciri global | | | | | | | | |
| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| 3 | Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik | 12 | Ketua Unit Pembangunan HEP | Kem Pemantapan Kepimpinan Dan Pengurusan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2024/2025 | 9,000.00 | APR | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Kempen Derma Darah bersama Kementerian Kesihatan Malaysia | 3,000.00 | APR | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Ceramah Penyakit Berjangkit Kementerian Kesihatan Malaysia | 2,000.00 | OKT | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Program Kesukarelawanan MPP bersama Komuniti Siri 1 | 3,000.00 | MEI | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Program Kesukarelawanan MPP bersama Komuniti Siri 2 | 3,000.00 | SEPT | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Aplikasi Psikologi Dalam Penilaian Personel- Pengurusan Potensi Diri Melalui Ujian Psikometrik | 2,000.00 | FEB | Ketua Unit Pengurusan Psikologi | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi - Pengurusan Kendiri | 3,000.00 | APR | Ketua Unit Pengurusan Psikologi | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi - Pengurusan Prestasi | 5,000.00 | MEI | Ketua Unit Pengurusan Psikologi | UNIT PEMBANGUNAN HEP |

| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
|---------------------|-------------------------------------------------------|-------------|----------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|---------------------------------|----------------------|
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| 3 | Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik | 12 | Ketua Unit Pembangunan HEP | Aplikasi Psikologi Dalam Pembangunan Personel - Majlis Watikah Pelantikan PRS Tahun 2024 | 500.00 | APR | Ketua Unit Pengurusan Psikologi | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Aplikasi Psikologi Dalam Pembangunan Personel - Towards Excellent Peers | 2,000.00 | MEI | Ketua Unit Pengurusan Psikologi | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi - Hari Bersama PRS Politeknik Kuala Terengganu | 2,000.00 | MEI | Ketua Unit Pengurusan Psikologi | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Aplikasi Psikologi Dalam Pembangunan Personel - PRS@Komuniti : Kasih Disemai, Sayang Dituai | 2,000.00 | SEPT | Ketua Unit Pengurusan Psikologi | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Program Khidmat Komuniti (CSR) Jabatan Kejuruteraan Elektrik PKT Bersama Sekolah Kebangsaan Kebor Ayer, Manir Kuala Terengganu. | 1,500.00 | JAN | Penyelaras HEP JKE | JKE |
| | | | | Program Khidmat Komuniti (CSR) Jabatan Kejuruteraan Elektrik PKT Bersama Komuniti Asnaf. | 3,000.00 | OGOS | Penyelaras HEP Jabatan | JKE |
| | | | | CSR bersama Madrasah Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman | 500 | MEI | Penyelaras Kolaborasi Jabatan | JTMK / DtechC |
| | | | | CSR bersama Ledakan Digital | 500 | OGOS | Penyelaras Kolaborasi Jabatan | JTMK / DtechC |
| | | | | Program Sekampit Beras Sekilo Gula | - | MAC | Ketua Kursus Sains | JMSK |

| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
|--------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|-------------|----------------------------|-------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|-------------------------------|--------------|
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| 3 | Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik | 12 | Ketua Unit Pembangunan HEP | Program Saya Anak Malaysia | 600 | OGOS | Ketua Kursus Pendidikan Islam | JPA |
| | | | | Bengkel Bijak Debat | 600 | SEPT | Ketua Kursus Pendidikan Islam | JPA |
| | | | | Kejohanan Bola Tampar Jemputan Sempena 25 Tahun Jubli Perak | 10,000.00 | JUN | Pegawai Belia Dan Sukan | USKK |
| | | | | Program Semarak Seni | 2,000.00 | FEB | Pegawai Kebudayaan | USKK |
| | | | | Festival Kebudayaan Dan Kesenian 2024 | 7,000.00 | JUN | Pegawai Kebudayaan | USKK |
| | | | | Filem Pendek Merdeka 2024 | 2,000.00 | OGOS | Pegawai Kebudayaan | USKK |
| | | | | Filem Pendek Raya 2024 | 2,000.00 | MAC | Pegawai Kebudayaan | USKK |
| | | | | Kejohanan Sukan Tertutup PKT Sesi 2 2023/2024 | 1,500.00 | APR | Pensyarah Kokurikulum | USKK |
| | | | | Kem Perkhemahan Kelab/Persatuan Sesi 2 2023/2024 | 7,000.00 | APR | Pensyarah Kokurikulum | USKK |
| | | | | Kejohanan Sukan Tertutup PKT Sesi 1 2024/2025 | 7,000.00 | NOV | Pensyarah Kokurikulum | USKK |
| Kem Perkhemahan Kelab/Persatuan Sesi 1 2024/2025 | 2,000.00 | NOV | Pensyarah Kokurikulum | USKK | | | | |
| 4 | Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa | 4 | Pegawai Pengantarabangsaan | Pertandingan Inovasi Pelajar Peringkat Antarabangsa | 5,000.00 | OKT | Pegawai Pengantarabangsaan | CISEC |

| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
|---------------------|------------------------------------------|-------------|---------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|-----------------------------------------|--------------|
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| - | - | - | - | Hari Bersama Jabatan JKE Sesi II: 2023/2024 | - | FEB | Ketua Program DEE | JKE |
| | | | | Bengkel Microsoft Office Word Penulisan Format Laporan Teknikal | - | MEI | Penyelaras PSH Jabatan (JKE) | JKE |
| | | | | Hari Apresiasi Pelajar | 5,000.00 | MEI | Ketua Jabatan (JKE) | JKE |
| | | | | Hari Bersama Jabatan JKE Sesi I: 2024/2025 | 1,500.00 | SEPT | Ketua Jabatan (JKE) | JKE |
| | | | | Program Pemantapan Sahsiah dan Kerohanian Pelajar JKE | 4,000.00 | OKT | Penyelaras HEP Jabatan (JKE) | JKE |
| | | | | Lawatan Ilmiah Microwave dan Networking | 800 | SEPT | Penyelaras PPI Jabatan (JKE) | JKE |
| | | | | Seminar Inspector Of Work (IOW) | 800 | JUN | Penyelaras PPI Jabatan (JKE) | JKE |
| | | | | Pertandingan Worldskill | 2,000.00 | JUN | Penyelaras Pertandingan Pelajar Jabatan | JKE |
| | | | | Bengkel Pemantapan Polyskills PKT 2024 | 500 | MEI | Penyelaras Polyskill Jabatan | JTMK |
| | | | | Bengkel Simurosot 17th Fira Malaysia Cup 2024: Installation of ROS and How to run the game simulation | 500 | MEI | Penyelaras FIRA Jabatan | JTMK |
| | | | | Kursus Tahsin Al Quran | 600 | FEB | Ketua Kursus Pendidikan Islam | JPA |
| | | | | English Week 1 | 500 | APR | Ketua Kursus Bahasa Inggeris | JPA |
| | | | | Seminar Keajaiban Al Quran Dalam STEM | 600 | APR | Ketua Kursus Pendidikan Islam | JPA |

| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
|---------------------|------------------------------------------|-------------|---------|----------------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|---------------------------------|----------------------|
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| - | - | - | - | English Week 2 | 500 | OGOS | Ketua Kursus Pendidikan Islam | JPA |
| | | | | MSK Pelajar Baharu Sesi II : 2023/2024 | 3,000.00 | JAN | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Lawatan ke Kediaman Sewa Pelajar Siri 1 | 500 | FEB | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Pilihanraya Kampus Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PKT Sesi 2024/2025 | 4,000.00 | FEB | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Penganugerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2024/2025 | 3,000.00 | APR | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Mesyuarat Majlis Perwakilan Pelajar dengan Pengurusan PKT kali 1 | 500 | APR | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | MSK Pelajar Baharu Sesi I : 2024/2025 | 3,000.00 | JUL,OGOS | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Lawatan ke Kediaman Sewa Pelajar Siri 2 | 500 | JUL | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Mesyuarat Majlis Perwakilan Pelajar dengan Pengurusan PKT kali 2 | 500 | OKT | Pegawai Kebajikan Dan Disipilin | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Klinik Kaunseling - Pelajar (Sesi II 2023/2024) | - | MEI | Ketua Unit Pengurusan Psikologi | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Klinik Kaunseling - Pelajar (Sesi I 2024/2025) | - | NOV | Ketua Unit Pengurusan Psikologi | UNIT PEMBANGUNAN HEP |

TERAS 2

**MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG
RESPONSIF DAN MAMPAN**

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

MELESTARI TADBIR URUS YANG BERAKUANTABILITI, CEKAP DAN BERKUALITI

OBJEKTIF STRATEGIK 2.2

MEMPERKUKUH JENAMA DAN REPUTASI POLYCC

OBJEKTIF STRATEGIK 2.3

MENINGKATKAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG CEKAP DAN BERHEMAH

| TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN | | | | | | | | |
|-----------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|-------------|----------------------------|-----------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|----------------------------------|-----------------------------------|
| OBJEKTIF STRATEGIK: | | | | | | | | |
| 2.1 Melestari tadbir urus yang berakauntabiliti, cekap dan berkualiti | | | | | | | | |
| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| 5 | Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa | 1 | Pegawai Pengurusan Kualiti | Audit Persijilan Semula MS ISO 9001:2015 Oleh Sirim QAS International | 9,000.00 | FEB | Pegawai Pengurusan Kualiti | UJKA / DtechC |
| | | | | Audit ETAC Fasa Baru Program DEP | 13,000.00 | SEPT | Pegawai Akreditasi | UJKA / DtechC |
| | | | | Pertukaran Nama Program DIT | 200 | SEPT | Pegawai Akreditasi | UJKA / DtechC |
| - | - | - | - | Audit Dalam Bil 1/2024 | - | FEB | Ketua Audit Dalam | UJKA |
| | | | | Audit Dalam Bil 2/2024 | - | JUL | Ketua Audit Dalam | UJKA |
| 6 | Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus jabatan/institusi | 3 | Penyelaras Lean | Google Calendar Activity PKT | - | MAC | Ketua Kluster Sistem Maklumat | UNIT KELESTARIAN INSTITUSI |
| | | | | e-sumbanganPKT | - | JUN | Ketua Kluster Pengurusan Pelajar | UNIT KELESTARIAN INSTITUSI |
| | | | | Program Mentor-Mentee | - | JUN | Ketua Kluster Inovasi | UNIT KELESTARIAN INSTITUSI |
| - | - | - | - | Penyelenggaraan Peralatan ICT Sewaan | - | OGOS | Pegawai Teknologi Maklumat | UNIT PENGURUSAN SUMBER & FASILITI |
| | | | | Program Literasi Maklumat | 50 | JAN | Pustakawan | UNIT PENGURUSAN SUMBER & FASILITI |
| | | | | MPCCSustAWARD | - | SEPT | Penyelaras Smart Green | UNIT KELESTARIAN INSTITUSI |

| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
|---------------------|------------------------------------------|-------------|------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|------------------------------|----------------------|
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| 7 | Skor kualiti data POLYCC | 86% | Pegawai Pengambilan dan Data | Taklimat Pengemaskinian Data Peribadi Pelajar Dalam SPMP Bersama Pelajar JKE Siri 1 | - | FEB | Pegawai Pengambilan Dan Data | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Taklimat Pengemaskinian Data Peribadi Pelajar Dalam SPMP Bersama Pelajar JTKM Siri 1 | - | FEB | Pegawai Pengambilan Dan Data | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Taklimat Pengemaskinian Data Peribadi Pelajar Dalam SPMP Bersama Pelajar JKE Siri 2 | - | OGOS | Pegawai Pengambilan Dan Data | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Taklimat Pengemaskinian Data Peribadi Pelajar Dalam SPMP Bersama Pelajar JTKM Siri 2 | - | OGOS | Pegawai Pengambilan Dan Data | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Mesyuarat Penyelarasan Kemasukan Data POLYCC Dalam Sistem e-Anjung MyMoheS Siri 1 | - | MEI | Penyelaras MyMoheS | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| | | | | Mesyuarat Penyelarasan Kemasukan Data POLYCC Dalam Sistem e-Anjung MyMoheS Siri 2 | - | DIS | Penyelaras MyMoheS | UNIT PEMBANGUNAN HEP |
| - | - | - | - | Mesyuarat Jabatan Bil 1 | - | JAN | Ketua Jabatan (JKE) | JKE |
| | | | | Mesyuarat Jabatan Bil. 2 | - | JUN | Ketua Jabatan (JKE) | JKE |
| | | | | Mesyuarat Jabatan Bil 1/2024 | - | FEB | Setiausaha Jabatan | JTKM |
| | | | | Mesyuarat Jabatan Bil. 2/2024 | - | JUN | Setiausaha Jabatan | JTKM |
| | | | | Mesyuarat Jabatan Bil 3/2024 | - | DIS | Setiausaha Jabatan | JTKM |
| | | | | BENGKEL KODULAR TOOLS (MEMBANGUNKAN APPS TANPA ATURCARA) | - | JAN | Penyelaras LPL Jabatan | JTKM |
| | | | | BENGKEL AUGMENTED REALITY (AR) | 1,000.00 | MEI | Penyelaras LPL Jabatan | JTKM |
| | | | | BENGKEL LINUX SERVER | 300 | OGOS | Penyelaras LPL Jabatan | JTKM |

| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
|---------------------|------------------------------------------|-------------|---------|--------------------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|------------------------------|--------------|
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| - | - | - | - | Bengkel Interpretasi Kurikulum, OBE dan Penyediaan CIST Penilaian Kerja Kursus | 200 | JAN | Penyelaras Latihan Staf JMSK | JMSK |
| | | | | Kursus Strategi Portfolio Jabatan | - | JAN | Penyelaras Latihan Staf JMSK | JMSK |
| | | | | Bengkel Pembinaan Item Penilaian Kerja Kursus | 500 | JUN | Penyelaras Latihan Staf JMSK | JMSK |
| | | | | Bengkel Penggunaan Kalkulator Sainifik | 500 | JUN | Penyelaras Latihan Staf JMSK | JMSK |
| | | | | Mesuarat Jabatan Bil 1/2024 | - | FEB | Setiausaha Jabatan | JMSK |
| | | | | Mesuarat Jabatan Bil 2/2024 | - | MEI | Setiausaha Jabatan | JMSK |
| | | | | Mesuarat Jabatan Bil 3/2024 | - | OGOS | Setiausaha Jabatan | JMSK |
| | | | | Mesuarat Jabatan Bil 4/2024 | - | DIS | Setiausaha Jabatan | JMSK |
| | | | | Mesuarat Jabatan Bil 1 | - | JAN | Ketua Jabatan | JPA |
| | | | | Mesuarat Jabatan Bil 2 | - | MEI | Ketua Jabatan | JPA |
| | | | | Mesuarat Jabatan Bil 3 | - | OGOS | Ketua Jabatan | JPA |
| | | | | Mesuarat Jabatan Bil 4 | - | DIS | Ketua Jabatan | JPA |
| | | | | Mesuarat Kajian Semula Pengurusan Bil 2/2023 | - | FEB | Pegawai Pengurusan Kualiti | UJKA |
| | | | | Bengkel Pengurusan Risiko dan Peluang Semakan 1/2024 | - | JUL | Pegawai Pengurusan Kualiti | UJKA |
| | | | | Mesuarat Kajian Semula Pengurusan Bil 1/2024 | - | OGOS | Pegawai Pengurusan Kualiti | UJKA |

| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
|---------------------|------------------------------------------|-------------|---------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|----------------------------|----------------------------------------|
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| - | - | - | - | Bengkel Pengurusan Risiko dan Peluang Semakan 2/2024 | - | NOV | Pegawai Pengurusan Kualiti | UJKA |
| | | | | Bengkel Persediaan Audit Auditing | - | MEI | Ketua Audit Dalaman | UJKA |
| | | | | Kursus Pemantapan Kerja Dalam Kumpulan | - | JAN | Pegawai Latihan Staf | UNIT PERKEMBANGAN KOMPETENSI & KERJAYA |
| | | | | Kursus Seni Pengurusan Majlis | - | JAN | Pegawai Latihan Staf | UNIT PERKEMBANGAN KOMPETENSI & KERJAYA |
| | | | | Kursus Pengurusan Marah di Tempat Kerja (Pengurusan Emosi) | 4,000.00 | FEB | Pegawai Latihan Staf | UNIT PERKEMBANGAN KOMPETENSI & KERJAYA |
| | | | | Taklimat SIP/LSI (Pembangunan Bakat PPPT) | - | FEB | Pegawai Latihan Staf | UNIT PERKEMBANGAN KOMPETENSI & KERJAYA |
| | | | | Pembangunan & Penyelidikan : Kenaikan Pangkat, Coaching & Mentoring | - | MAC | Pegawai Latihan Staf | UNIT PERKEMBANGAN KOMPETENSI & KERJAYA |
| | | | | ICT dalam penjawat Awam (Perisian/Perkakasan/ Perisian Atas Talian/ Email/Multimedia Interaktif) | - | APR | Pegawai Latihan Staf | UNIT PERKEMBANGAN KOMPETENSI & KERJAYA |

| SASARAN KERJA UTAMA | | | PIC KPI | AKTIVITI | ANGGARAN KOS (RM) | PELAKSANAAN | PIC AKTIVITI | JABATAN/UNIT |
|---------------------|------------------------------------------|-------------|---------|---------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|-------------|----------------------|----------------------------------------|
| KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | SASARAN KPI | | | | | | |
| - | - | - | - | Kursus Pembangunan Diri Staf (Sempena Sambutan Hari Pekerja) | 4,000.00 | MEI | Pegawai Latihan Staf | UNIT PERKEMBANGAN KOMPETENSI & KERJAYA |
| | | | | Minda Sihat, Emosi Terjaga Kerja Berkualiti (Pentadbiran/Pengurusan) | - | JUN | Pegawai Latihan Staf | UNIT PERKEMBANGAN KOMPETENSI & KERJAYA |
| | | | | Kursus PDPR (e-Learning, Multimedia Kreatif, Video) | - | JUL | Pegawai Latihan Staf | UNIT PERKEMBANGAN KOMPETENSI & KERJAYA |
| | | | | Kursus Pembangunan Diri Staf | 5,000.00 | OGOS | Pegawai Latihan Staf | UNIT PERKEMBANGAN KOMPETENSI & KERJAYA |
| | | | | Kursus Pembangunan Diri (Kesihatan & Keselamatan Di Tempat Kerja dan dalam Pekerjaan) | - | SEPT | Pegawai Latihan Staf | UNIT PERKEMBANGAN KOMPETENSI & KERJAYA |
